

**Utara: Perak perintis majukan sektor tani desa****Oleh Zatul Iffah Zolkipli**  
**bhnews@bharian.com.my**

PULAU PANGKOR: Perak akan dijadikan negeri pertama melaksanakan projek perintis di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang akan dimulakan Mac ini dalam usaha memaju dan memartabatkan bidang pertanian sebagai kerjaya berdaya maju.

Menterinya, Datuk Mustapa Mohamed, berkata, Perak dipilih menjadi projek pertama apabila Kampung Anak Kurau, di Batu Kurau dipilih sebagai anak angkat kepada kementerian seterusnya menjadi lokasi pertama di negara ini dipilih untuk memajukan kawasan di luar bandar.

Beliau berkata, Kampung Anak Kurau, dipilih sebagai lokasi pertama untuk menjayakan program itu membabitkan bidang seperti penternakan, pertanian dan perikanan untuk dimajukan di kawasan berkenaan.

"Pada minggu hadapan, sejumlah kambing boer yang akan ditempatkan di dua kandang di kampung berkenaan akan dimulakan dengan penyertaan empat peserta. "Dalam memastikan kejayaan projek itu, pemantauan berterusan akan dilakukan dalam tempoh tiga bulan untuk melihat sejauh mana ia memberi kesan kepada peningkatan pendapatan dan taraf hidup masyarakat di kawasan terbabit. Jika projek ini berjaya dan mencapai matlamat yang diharapkan, kita akan memperkembangkan projek yang sama di seluruh negara, katanya selepas melancarkan Program Hari Masyarakat Nelayan, Penternak dan Petani Negeri Perak bersama Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani di sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Menteri Kewangan merangkap Ahli Parlimen Lumut, Datuk Kong Cho Ha; Menteri Besar, Datuk Dr Zambry Abdul Kadir; Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, Datuk Junaidi Che Ayob dan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Abdul Rahman Ismail.

Mustapa berkata, jika projek itu berjaya, kementerian akan memilih satu kawasan di setiap negeri untuk dijadikan anak angkat dalam menjayakan projek yang sama dengan menjadikan bidang pertanian satu kerjaya yang menguntungkan. Mengenai program itu, Mustapa berkata, program anjuran kementerian menerusi Jabatan Perikanan dan LKIM itu diadakan bertujuan untuk menyelesaikan beberapa isu atau permasalahan yang dibangkitkan oleh kumpulan sasaran.

Katanya, selain itu, program itu juga bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada kumpulan sasaran mengenai keberkesanan program jabatan atau agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Mengenai program itu juga, katanya, pelbagai insentif dan peruntukan diberikan kepada golongan nelayan, penternak dan petani seperti skim insentif galakan pengeluaran akuakultur, skim insentif hatcheri, program bumi hijau dan skim insentif kolam terbiar.

"Kerajaan prihatin dengan golongan terbabit yang sekiranya bantuan sewajarnya tidak diberikan, sudah pasti hasrat kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran makanan dan pertanian negara tidak akan tercapai," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap program seumpamanya dapat dijadikan sebagai platform untuk pemimpin berkomunikasi secara terus dengan kumpulan sasaran untuk lebih memahami permasalahan yang dihadapi petani, penternak dan nelayan.



**ZAMBRY (kanan) bersama Mustapa (tiga dari kanan) beramah mesra bersama penerima insentif nelayan seluruh negeri Perak di Pulau Pangkor.**